



SIARAN SERTA MERTA

MOTAC.100-2/1/18 (72)

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MAJLIS APRESIASI SENI JKKN 2021 SECARA DALAM TALIAN

18 Februari 2021 – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) mengadakan Majlis Apresiasi Seni JKKN 2021 secara atas talian dengan berkonsepkan revolusi industri digital 4.0. Majlis ini telah dilancarkan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) yang turut dihadiri Dato' Dr. Noor Zari Bin Hamat, Ketua Setiausaha, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dan Tuan Haji Mesran Bin Mohd Yusop, Ketua Pengarah, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. Antara pengisian sempena majlis ini adalah Pelancaran Kalendar JKKN 2021, Pelancaran TV JKKN dan Majlis Penghargaan kepada 16 Badan Bukan Kerajaan (BBK) Seni Budaya yang terpilih.

YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya berkata penganjuran ini penting sebagai usaha memartabat dan menyemarakkan aktiviti seni budaya di Malaysia. Sungguhpun Perintah Kawalan Pergerakan 2.0 (PKP) masih berkuatkuasa, program yang dilaksanakan ini sedikit sebanyak akan memberi kesan positif kepada sektor kebudayaan terutama kepada penggiat-penggiat seni budaya yang kehilangan punca pendapatan, program-program antarabangsa terpaksa ditangguh dan kegiatan seni budaya turut terhenti.

Pada tahun 2021, JKKN akan melaksanakan Program Pelancongan Budaya melibatkan enam (6) negeri iaitu Pesta Angin Timur, (Perlis), Festival Kesenian Rakyat Kelate, (Kelantan), Festival Kota Selatan, (Johor), Festival Permainan Malaysia, (Kuala Lumpur), Rhythms of Kinabalu, (Sabah) dan Festival Gendang (Sarawak). Walau bagaimanapun, program ini akan dilaksanakan secara dalam talian dan jika keadaan diizinkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kerajaan selepas Oktober 2021, program ini akan dilaksanakan secara fizikal tetapi mengikut SOP yang telah ditetapkan.

Bagi memastikan kesinambungan pelaksanaan program, JKKN telah mensasarkan sebanyak 279 KPI yang melibatkan penganjuran 305 aktiviti dan program seni budaya di seluruh negara dengan menggunakan medium dalam talian (media sosial) dan fizikal. Program-program yang akan dilaksanakan ini diharap dapat membantu dan memberi

suntikan semangat kepada para penggiat seni budaya untuk terus menghasilkan karya-karya yang berkualiti dan bergerak ke hadapan demi kelangsungan hidup.

Pada ketika ini, penggunaan teknologi digital merupakan pendekatan yang paling efektif dalam menyebarkan maklumat dan melaksanakan aktiviti seni budaya secara maya. Kelebihan medium digital ini diharap mampu dimanfaatkan oleh pemain industri seni budaya. Ia merupakan cabaran baharu dan peluang untuk terus berkarya dalam keadaan ruang yang lebih luas dan terbuka.

“Saya amat berharap para penggiat dan pemain industri seni budaya tidak berputus asa dan dapat menerima serta menyesuaikan diri mengikut norma baharu dalam melaksanakan aktiviti seni budaya. Ia merupakan adaptasi baharu yang perlu diterima dan diamalkan dalam usaha memastikan industri ini terus berjalan dan disemarakkan”, jelas Dato’ Sri Hajah Nancy Shukry dalam satu kenyataan hari ini.

Dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
KEMENTERIAN PELANCONGAN SENI DAN BUDAYA (MOTAC)
Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-88917181
Website: www.motac.gov.my Email: info@motac.gov.my
Facebook, Instagram & Twitter: @mymotac